

**Sambutan Sesi Pengenalan Bukti Sokongan Padu Anggota Umno Terhadap Transformasi
Bernama
9 Oct, 2013**

JOHOR BAHARU, 9 Okt (Bernama) -- Jumlah besar perwakilan yang hadir di setiap sesi pengenalan calon anggota Majlis Tertinggi dan exco sayap-sayap Umno sejak Jumaat lepas menunjukkan anggota akar umbi menyambut baik transformasi yang dilakukan Umno dalam pemilihan kali ini.

Calon naib presiden Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata keadaan itu juga menunjukkan mereka sayangkan parti yang menjadi wadah perjuangan orang Melayu berkenaan.

"Begitu juga kehadiran dalam sesi pengenalan yang diadakan di sebelah selatan Selasa iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, kita lihat ramai perwakilan hadir bagi menyatakan sokongan terhadap calon masing-masing," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis pengenalan calon yang berlangsung di Berjaya Waterfront Hotel di sini Selasa malam.

Ditanya mengenai sokongan yang diterimanya setakat ini, Mohd Ali yakin sokongan terhadapnya akan terus meningkat sehingga sesi terakhir di Pulau Pinang.

Beliau turut melahirkan rasa lega kerana Lembaga Disiplin Umno memberi kelonggaran untuk calon berkempen secara terbuka.

"Sebelum ini nak minum kopi bersama rakan-rakan pun takut sebab risau disalah sangka oleh pihak lain," katanya.

Sementara itu calon exco Wanita Umno Datuk Noraini Ahmad menyifatkan kelonggaran berkempen amat baik kerana sebelum ini kebanyakan calon keliru dan bimbang melanggar peraturan jika berkempen.

"Ada yang kata tidak boleh berkempen termasuk di Facebook, namun Alhamdulillah sudah diberi kelonggaran dan seharusnya dimanfaatkan calon," katanya.

Mengenai sesi pengenalan itu, Anggota Parlimen Parit Sulong tersebut berkata acara berkenaan bagus namun terlalu padat dan begitu hampir dengan tarikh pemilihan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984228>